

07 SEP 1998

Mohamed-Wartawan

KAD PERAKUAN AKHBAR WAJIB BAGI SEMUA WARTAWAN

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Semua wartawan dari media tempatan dan media asing diwajibkan memakai kad perakuan akhbar daripada Jabatan Penerangan semasa membuat liputan acara rasmi dan di tempat-tempat penting, kata Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat.

Katanya, peraturan itu berkuatkuasa serta-merta dan bertujuan memastikan para wartawan tempatan dan asing mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan sebelum ini.

"Kita bukan hendak menyusahkan. Kerajaan dah buat peraturan sebelum ini wartawan harus memakai kad perakuan itu selain kad perakuan akhbar masing-masing apabila membuat liputan di tempat penting seperti di jabatan kerajaan," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Beliau menasihatkan wartawan memohon atau memperbaharui kad itu dari Jabatan Penerangan secepat mungkin dan jabatan itu telah diarahkan meluluskan permohonan wartawan tempatan dalam masa seminggu dan dua minggu bagi wartawan asing.

Sehubungan itu, katanya, Ketua Setiausaha Negara akan mengeluarkan edaran kepada semua jabatan kerajaan bagi memastikan keputusan kerajaan mengenai penggunaan kad perakuan itu diikuti.

Mohamed berkata Jabatan Penerangan akan mengeluarkan tiga jenis kad iaitu biru bagi media tempatan, hijau bagi media dari agensi kerajaan dan merah bagi media asing.

Beliau berkata kerajaan mewajibkan penggunaan kad perakuan itu, yang diperkenalkan lebih empat tahun dahulu, setelah mendapati ramai wartawan dari media asing tidak menggunakannya semasa membuat liputan berita.

Katanya, daripada 75 wartawan yang bekerja dengan media asing, hanya 38 orang yang mempunyai kad perakuan itu, termasuk 24 daripadanya rakyat tempatan yang bekerja dengan media asing. Rakyat tempatan yang bekerja dengan media asing berjumlah 49 orang.

Mohamed turut menegur rakyat tempatan yang bekerja untuk media asing supaya lebih bertanggungjawab dengan berita yang mereka buat.

"Saya nak katakan kepada mereka ini supaya jangan jadi orang upahan hanya kerana gaji besar. Saya tahu sesetengah wartawan tempatan yang bekerja dengan media asing ini memang tak buat berita tepat.

"Saya nak minta mereka ini insaf untuk menjaga kepentingan negara dengan memberi gambar-gambaran yang bertanggungjawab sebab saya tak nafikan bahawa media asing ada agenda politik untuk Malaysia," katanya.

Mohamed berkata kalau dilihat pada perkembangan media asing, memang berita-berita yang dikeluarkan mereka ada yang bersifat politik semata-mata ingin menjatuhkan pimpinan kerajaan.

"Mereka memang bercita-cita besar menurunkan (Perdana Menteri Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad) dan menaikkan Datuk Seri Anwar (Ibrahim). Mereka sebenarnya telah gagal.

"Namun begitu, kita faham mereka akan terus berusaha untuk memburukkan lagi keadaan. Saya harap rakyat tak mudah terpengaruh dengan propaganda media asing ini," tegasnya.

Ketika ditanya mengenai media asing yang datang membuat liputan bagi peristiwa tertentu untuk tempoh sehari dua sahaja, beliau berkata golongan itu juga perlu mendapatkan kad perakuan daripada Jabatan Penerangan.

Bagi kes-kes seperti ini, katanya, Jabatan telah diarah supaya mengeluarkan kad itu dengan segera setelah mengambil kira liputan yang dibuat itu tidak menjejaskan keselamatan negara.

-- BERNAMA
NZ KHY